



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 13, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511  
Faks : 603-8886188

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)**  
**7 MEI 2010**

Sehingga jam 8:00 pagi pada 7 Mei 2010, Kementerian telah menerima sejumlah lapan (8) laporan kejadian kluster ILI daripada empat (4) buah negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 6 Mei 2010, sejumlah 73 kes disahkan Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,962. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 616 kes. Daripada jumlah tersebut, 92 kes (14.9%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan yang dirawat di ICU adalah sepuluh (10) kes di mana lapan (8) daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko. Tiada laporan kematian diterima hari ini. Untuk makluman, jumlah kematian sehingga hari ini masih kekal 82 orang.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan Influenza A(H1N1) terus aktif di dalam komuniti. Orang awam mestilah berwaspada dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan seperti berikut:

1. Mereka yang mempunyai gejala ILI seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan supaya tidak mengunjungi tempat awam dan memakai penutup hidung dan mulut apabila berhubungan dengan orang lain. Mereka boleh kembali meneruskan aktiviti harian apabila telah sembuh;
2. Mereka yang mengalami gejala ILI perlu mendapat rawatan segera terutamanya mereka daripada golongan berisiko tinggi jangkitan influenza A(H1N1);
3. Sentiasa mengamalkan kebersihan diri khususnya, membasuh tangan dengan kerap dengan menggunakan air atau sanitiser, terutamanya selepas batuk atau bersin;

4. Mengamalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan;
5. Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang mempunyai gejala ILI;
6. Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.

Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 7 Mei 2010

Lampiran 1

Senarai Laporan Kejadian Kluster Influenza-Like Illness (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 pagi 7 Mei 2010

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	Kilang Papan Chin Guan Chan, Industri Perakayan Semujuk, Merlimau, Melaka	120	7	Keputusan masih belum diperolehi	Kesemua diberi antiviral dan dirawat sebagai pesakit luar.
2	Madrasah Darul Ulum Ad-Dinniah, Kg. Apa-apa, Gelang Mas, Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan	150	7	Keputusan masih belum diperolehi	6 kes diberi antiviral. Seorang dimasukkan ke wad dan selebihnya dirawat sebagai pesakit luar
3	Tenby School U13/18T, Setia Alam, Selangor	1101	2	Keputusan masih belum diperolehi	Kedua-dua kes diberi rawatan sebagai pesakit luar dan satu kes diberi antiviral.
4	PLKN UUM Sintok, Kedah	493	7	Keputusan masih belum diperolehi	Kesemua kes dirawat sebagai pesakit luar dan 7 diberi rawatan antiviral.
5	SJKC Serdang Baru 2, Seri Kembangan, Selangor	3031	3	2 sampel positif Influenza A(H1N1)	2 kes dimasukkan ke wad dan seorang dirawat sebagai pesakit luar. Kesemua kes diberi rawatan antiviral.
6	Kediaman di Taman Sri Teratai, Kuala Kubu Bharu, Selangor.	10	3	3 sampel positif Influenza A(H1N1)	Kesemua kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral.
7	Taska Cambridge Kids, Bukit Jelutong, Selangor	94	4	4 sampel positif Influenza A(H1N1)	Kesemua diberi rawatan antiviral. Satu kes dimasukkan ke wad, 3 dirawat sebagai pesakit luar.
8	Taska Manja Ria, Taman Cheng Perdana, Melaka Tengah, Melaka	60	2	2 sampel positif Influenza A(H1N1)	Kesemua kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral.

